UNIT 3 PERMAINAN KATEGORI JARING

BOLA TAMPAR

SMKSL

DISEDIAKAN OLEH: CFJ KMY

Isikan bulatan pink dibawah dengan urutan nombor yang betul dan tentukan jenis formasi (butang kuning) sistem berikut:-

- ◯ Formasi 4:2 meletakkan pengumpan sentiasa berada di tengah hadapan gelanggang. Hal ini akan memudahkan umpanan dilakukan kepada pemain penyerang.
- ◯ Pada pergerakan 1, pengumpan (S1) berada di tengah hadapan gelanggang manakala S2 berada bertentangan dengannya di barisan kedua.
- ◯ Pada pergerakan 2, pengumpan (S1) akan bertukar kedudukan dengan penyerang apabila servis telah dilakukan.
- ◯ Pengumpan bola sentiasa berada di bahagian hadapan. Kedudukan kedua-dua orang pengumpan bertentangan antara satu sama lain.
- ◯ Formasi ini menggunakan empat orang pemain yang bertindak sebagai perejam dan dua orang pemain sebagai pengumpan.
- ◯ Pengumpan melakukan umpanan dari tengah hadapan kepada perejam yang berada di kiri, kanan atau dua orang perejam dari belakang.
- ◯ Pada pergerakan 3, pengumpan (S2) akan bertukar kedudukan dengan penyerang untuk mengekalkan kedudukan pengumpan berada di tengah hadapan gelanggang.
- ◯ Pasukan penyerang mempunyai pilihan untuk merejam bola di atas jaring sama ada pada sentuhan pertama atau kedua sebagai serangan mengejut.

LIVEWORKSHEETS